# Ramai minat

## 800 penuntut ikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam di AeU sejak 2013

**Hamizah Badiran**
hamizah@hmetro.com.my

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Pengajian Islam Peringkat Sekolah Rendah) dengan kepujian kepada guru dalam perkhidmatan dan mereka yang berminat diperkenalkan Asia e University (AeU) pada 2013.

Tujuannya mahu meluaskan ilmu pengetahuan mengenai subjek pengajian Islam di peringkat sekolah rendah dan ia mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dekan Pusat Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS), Profesor Dr Juhary Ali berkata, walaupun program itu masih baru, ia mempunyai lebih 800 penuntut.

"Buat waktu ini, beberapa pusat pembelajaran menawarkan program itu iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Bharu, Melaka, Kota Kinabalu, Beaufort, Kudat, Labuan, Limbang, Mukah dan Daro.

"Antara pusat pembelajaran baru yang akan dibuka ialah di Taiping, Kuala Kangsar, Manjung,Teluk Intan, Grik, Kuching, Seremban 2 dan Kuantan," katanya.

Berbeza dengan institusi pengajian tinggi lain, AeU memberi kelonggaran kepada mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik bagi mengikuti kursus berkenaan.

Bagi mereka yang tidak mempunyai diploma dalam bidang pendidikan namun berminat mengikuti program ini boleh memohon melalui syarat pengambilan terbuka iaitu memiliki sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat.

Katanya, senario guru Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) di sekolah agama di seluruh negara yang mahu melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi menjadikan AeU terpanggil untuk memperkenalkan program Diploma Pengajian Islam.

"Ia bagi memberi peluang kepada guru KAFA meningkatkan pengetahuan di peringkat tinggi supaya tidak ketinggalan," katanya.

Menurutnya, kewujudan dua kursus di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam pengajian Islam itu membuktikan AeU mementingkan kehendak masyarakat dalam menyediakan program di peringkat pengajian tinggi.

Katanya, AeU akan memperkenalkan program di peringkat sarjana dan kedoktoran pada semester September 2016.

Program yang ditawarkan di AeU mempunyai taraf dan kualiti yang sama dengan universiti lain cuma kaedah penyampaian kepada penuntut berbeza dan tidak membebankan mereka yang bekerja.

Penuntut boleh memilih mengikuti program ini secara dalam talian sepenuhnya atau secara teradun di mana pertemuan bersemuka disediakan di pusat pembelajaran AeU.

Dengan menggunakan laman sesawang khas, myPLS, ia membolehkan pelajar mengakses dan memuat naik material pembelajaran lebih awal.

Hubungi 1-300-300-238 atau layari laman web www.aeu.edu.my untuk maklumat.



DR JUHARY


AeU asiaeuniversity



"Program ini telah membawa saya ke tahap yang lebih tinggi secara profesional dan peribadi. Saya dapat menyesuaikan gaya pembelajaran saya mengikut komitmen gaya hidup saya."

Dr. Nixon Alberth Simamora (Indonesia)
Graduan
Doktor Pentadbiran Perniagaan

emiliki / ikan di / waktu / kaedah / yang / tif atas / akses / ana jua / as bagi / kangan / emiliki / mpian. / n apa, / ajar. / ersama

Lebih Daripada 22,000 Pelajar | Lebih Daripada 1,000 Pelajar Kedoktoran | Lebih Daripada 7,000 Graduan

**DIPLOMA PASCA SISWAZAH**
- Postgraduate Diploma in Higher Education Teaching JPT/BPP (A 9492) 11/18

**IJAZAH SARJANA MUDA**
- Bachelor of Business Administration (Hons) JPT/BPP (KA 9101) 04/18
- Bachelor of Education (TESL)(Hons) KPT/BPP (KA 9153) 09/18
- Bachelor of Education (Early Childhood Education)(Hons) JPT/BPP (PA 1280) 05/17
- Bachelor of Education (Teaching Malay Language)(Hons) JPT/BPP (PA 1635) 08/17
- Bachelor of Education (Teaching Islamic Studies)(Hons) JPT/BPP (FA 1828) 11/17
- Bachelor of Digital Creative Media (Hons) JPT/BPP (PA 1269) 03/17
- Bachelor of Information & Communication Technology (Hons) JPT/BPP (A 1091) 08/16 (FT), (A 9489) 05/19 (PT)
- Bachelor of Technology (IT)(Hons) JPT/BPP (PA 1847) 08/17

**DIPLOMA SISWAZAH & DIPLOMA**
- Graduate Diploma in Early Childhood Education JPT/BPP (FA 0665) 08/16
- Graduate Diploma in Teaching JPT/BPP (PA 0660) 11/16
- Graduate Diploma in Business Management JPT/BPP (FA 0762) 08/16
- Diploma in Islamic Studies JPT/BPP (MQA/PA 3104) 07/19

ration) / gy)

ntuk warga emas* • 75% diskaun untuk individu kurang upaya*
WSP kepada yang layak* • Pelepasan cukai pendapatan peribadi RM5,000*
N kepada yang layak* •

*Tertakluk pada Terma & Syarat

our. Speed Line: +603-2785 0181/0182/0027
www.aeu.edu.my
1 Universiti 34 Negara

russalam / Malaysia / apura

**Lokasi Pembelajaran Tempatan**
- Kuala Lumpur • Petaling Jaya • Banting • Ipoh
- Pulau Pinang • Alor Star • Melaka • Kuantan
- Kuala Terengganu • Kota Bharu • Batu Pahat
- Johor Bahru • Kuching • Miri • Sibu • Kota Kinabalu
- Bintulu • Kota Marudu • Ranau

**Pusat Pembelajaran Kolaboratif Antarabangsa di dalam 23 Negara**
- Bahrain • Bangladesh • Kemboja • China • Denmark
- Dubai • Hong Kong • India • Indonesia • Kenya
- Maldives • Mauritius • Myanmar • Namibia
- New Zealand • Nigeria • Pakistan • Somalia
- Sri Lanka • Thailand • UK • Vietnam • Yemen

KPT/JPT/DFT/US/W12

Ahli Association of Commonwealth Universities
Ahli The Observatory on Borderless Higher Education
Ahli International Council for Open and Distance Education
Ahli International Consortium for Teaching and Learning Centres